

Rujukan : UKM KPD/262/3

Tarikh : 14 Julai 2016

Semua Pelajar
Program Siswazah Sepenuh Masa
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2016-2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan semester 1 sesi akademik 2016-2017 akan bermula **5 September 2016**. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan perjalanan proses pembelajaran semester hadapan maka disenaraikan perkara penting untuk makluman dan peringatn bersama.

1. PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2016-2017

Saudara/i boleh mendaftar kursus bermula **15 Ogos 2016**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting semester 1 sesi 2016/2017 di laman web PKP sebagai panduan.

2. JADUAL PERKULIAHAN

Sila rujuk jadual perkuliahan di laman web PKP. Pelajar juga dinasihatkan menyemak jadual kuliah sebelum hadir ke kuliah untuk sebarang makluman terkini.

3. YURAN PENGAJIAN


Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester **sebelum 21 Ogos 2016**. Kaedah pembayaran yuran boleh dirujuk pada Peraturan Am Kewangan Pelajar di muka utama laman web PKP. Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan sistem KewPKP. Sistem ini boleh dicapai dari muka utama laman web PKP. Pengenalan dan katalaluan adalah sama dengan SMPE.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada semester 2 sesi akademik 2015-2016.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program
 - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
 - Ketua Bahagian Kewangan, PKP



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

TARIKH-TARIKH PENTING SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2016-2017

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT

PERKARA	TARIKH
Tambah dan Gugur kursus	5 September -2 Oktober 2016
Tarik Diri kursus (TD)	3 Oktober – 13 November 2016
Peperiksaan Akhir	27 Disember 2016 -13 Januari 2017